

FAQ BERKAITAN INDUSTRI PERIKANAN

1. Apakah aktiviti-aktiviti perikanan yg dibenarkan?

Aktiviti perikanan yang dibenarkan dengan pematuhan SOP Am Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa bermula 1 Jun hingga 14 Jun 2021 adalah:

- a. Perikanan tangkapan
- b. Perikanan darat
- c. Akuakultur (ikan untuk makan, ikan hiasan, udang, kerang-kerangan, rumpai laut, tumbuhan akuatik dan makanan hidup)
- d. Pembekal benih (ikan, udang, rumpai laut dan kerang-kerangan)
- d. Eksport dan import: ikan, produk ikan, ikan hiasan dan makanan ikan
- e. Memancing bagi tujuan sara hidup[1]

Aktiviti di bawah rantai makanan yang dibenarkan dengan pematuhan SOP Am Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa bermula 1 Jun hingga 14 Jun 2021 adalah:

- a. Pembungkusan, kilang ais dan simpanan sejuk beku
- b. Perkhidmatan logistik
- c. Kilang garam, pembekal makanan ikan dan udang
- d. Bahan kimia dan baja untuk pengeluaran akuakultur
- e. Makmal ujian berkaitan akuakultur
- f. Bengkel pembinaan dan pembaikan bot termasuk penyelenggaraan elektrik dan enjin bot
- g. Pembekal peralatan marin dan akuakultur, termasuk pukot
- h. Penyelenggaraan kolam

Bagi aktiviti di bawah rantai makanan yang dibenarkan, pengusaha boleh membuat permohonan dan kebenaran melalui CIMS 3.0 (Centralised Information Management System) <https://notification.miti.gov.my/login> di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Aktiviti di bawah Jabatan Perikanan yang turut beroperasi adalah:

- a. Makmal dan pusat kuarantin
- b. Pengeluaran sijil kesihatan, permit CITES, lain-lain bentuk kelulusan, dan operasi kaunter bagi penyerahan dokumen fizikal permohonan yang berkaitan (melalui temu janji)

2. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh penternak ikan, nelayan dan operator di bawah rantai makanan dalam menghadapi situasi Covid-19 ini?

Sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dengan:

- a. Menyediakan peralatan keselamatan diri seperti sabun, hand sanitiser, topeng muka.
- b. Melaksanakan pemeriksaan suhu, penyimpanan rekod kakitangan dan orang yang berada di premis.
- c. Mewajibkan penggunaan mySejahtera atau rekod secara manual pekerja dan orang yang berada di premis
- d. Melaksanakan sanitasi di premis (kompleks/jeti pendaratan ikan, ladang akuakultur, hatcheri, kedai, kilang pemprosesan dan yang seumpamanya).
- e. Meminimumkan kontak antara pekerja dan orang ramai
- f. Amalkan konsep penggiliran kerja supaya dapat mengurangkan jumlah pekerja
- g. Meneruskan pemasaran ikan demi kecukupan bekalan makanan
- h. Mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan oleh MKN

3. Bolehkah operator perikanan rekreasi seperti kolam pancing atau memancing di tasik, sungai atau laut dibenarkan beroperasi?

Aktiviti perikanan rekreasi **tidak dibenarkan** selaras PKP 3.0 yang telah ditetapkan.

4. Sekiranya saya dipohon untuk membuktikan bahawa pergerakan dan aktiviti saya adalah aktiviti yang dibenarkan, apakah yang harus saya lakukan?

Sekiranya anda adalah **nelayan berlesen** atau **penternak akuakultur yang berdaftar** dengan **Jabatan Perikanan Malaysia**, anda boleh memohon surat Pengesahan dalam Aktiviti Rangkaian Pembekalan dan Pemasaran Berkaitan Keperluan Makanan daripada Pejabat Perikanan Negeri masing-masing.

5. Adakah anda penternak Akuakultur yang berdaftar?

Jika anda penternak Akuakultur Berdaftar dengan Pejabat Perikanan Daerah maka sila hubungi Kakitangan daerah untuk mendapatkan Surat Iringan pengesahan aktiviti Dan pengoperasian premis.

6. Bagaimana jika anda adalah penternak Akuakultur yang tidak berdaftar?

Jika sistem Ternakan Akuakultur anda BELUM BERDAFTAR dengan Pejabat Perikanan Daerah dan ingin mendapatkan Surat Iringan, sila patuhi langkah berikut:

JABATAN TELAH MEMBUAT KETETAPAN BERKAITAN PENGUSAHA-PENGUSAHA AKUAKULTUR YANG TIDAK BERDAFTAR DENGAN JABATAN BAGI TUJUAN PERMOHONAN PENGESAHAN DAN PERGERAKAN KETIKA PKP 3.0 (1-14 JUN 2021):

- a. Pengusaha perlu berurusan di Pejabat Perikanan Daerah lokasi projek dilaksanakan dengan mengisi borang pendaftaran penternak (terdapat di laman web Jabatan Perikanan Malaysia <https://www.dof.gov.my/index.php/pages/view/191> dan Pejabat Perikanan Daerah/Negeri) dan dalam masa yang sama memohon surat pengesahan aktiviti dan kebenaran pergerakan.

- b. Pengusaha perlu mengemukakan bukti awal seperti gambar projek atau pengesahan oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Sebarang maklumat yang tidak benar boleh dikenakan tindakan oleh pihak Kerajaan.
- c. Sekiranya pengusaha tidak dapat hadir secara fizikal, kelonggaran adalah diberi menggunakan media-media secara atas talian bagi melancarkan proses permohonan atau pekerja atau wakil yang dapat berurusan di Pejabat Perikanan Daerah.

7. Di manakah orang ramai boleh mendapatkan ikan segar dan produk hasil perikanan?

- a. LKIM akan meneruskan jualan ikan segar di Pasar Nelayan.
- b. NEKMAT juga menjual ikan segar dan produk hasil perikanan secara online melalui nekmatsby.com.my
- c. Pasar dan pasar raya yang mematuhi SOP yang berkuatkuasa adalah beroperasi seperti biasa

8. Sekiranya saya masih mempunyai kemusykilan, dengan siapa saya boleh berhubung?

Bagi soalan berkaitan perikanan dan perkara-perkara menyentuh bidang pertanian dan industri makanan, anda boleh menghubungi:

Bilik Gerakan Pemantauan Krisis COVID-19
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Telefon : 03-8870 1491
Emel : bilikgerakan@mafi.gov.my
Waktu operasi: 8.00am – 5.00pm

Bilik Gerakan Pemantauan Krisis COVID-19

Jabatan Perikanan Malaysia

Telefon : 03-8870 4614 / 4352

Waktu operasi: 9.00am – 5.00pm (termasuk Sabtu dan Ahad)

Bagi soalan berkaitan SOP-SOP yang berkuatkuasa, anda boleh menghubungi:

Pusat Pengurusan Operasi Negara

Majlis Keselamatan Negara

Telefon : 03-8888 2010

Maklumat perhubungan agensi-agensi lain boleh didapati di:

<https://www.mkn.gov.my/web/ms/talian-hotline-covid-19-agensi-kerajaan/>

[1] **Memancing untuk sara hidup:** Aktiviti memancing di mana ikan yang ditangkap adalah untuk dimakan secara langsung oleh keluarga pemancing dan bukannya dijual kepada peraih atau di pasar. Rujukan: Guidelines for the routine collection of capture fishery data. Prepared at the FAO/DANIDA Expert Consultation. Bangkok, Thailand, 18-30 May 1998.